



LKM-L1(B)

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

SYARAT-SYARAT LESEN PEDAGANG KOKO (Biji Koko Basah)

1. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan Sijil Lesen bersama Slip Pembaharuan Lesen di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
2. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah lesen.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
 - 3.1 Pemprosesan Biji Koko Basah;
 - 3.2 Belian Biji Koko Basah;
 - 3.3 Jualan Biji Koko Kering;
 - 3.4 Inbois Belian Biji Koko Basah;
 - 3.5 Kualiti Biji Koko Kering; dan
 - 3.6 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
4. Pemegang lesen hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan kelengkapan memproses biji koko basah yang disyorkan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan peralatan urus niaga termasuk alat timbang, dll dikalibrasi dan disahkan oleh pihak berkuasa.
6. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kaedah fermentasi, pengeringan, pembersihan dan penyisihan yang disyorkan oleh Lembaga.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa biji koko yang difermentasi dan dikeringkan bebas daripada pencemaran bau asing seperti asap, getah, kopi, lada hitam, kopra, petro kimia, bahan kimia dan bau-bau yang mencemarkan kualiti biji koko.
8. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan harga belian harian di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan.
9. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda "**PEDAGANG BIJI KOKO BASAH BERLESEN**" di tempat yang mudah dilihat di premis urus niaga.
10. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.